

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

STP242 - Psikologi Untuk Pekerja Sosial

Masa: [3 jam]

---

Pilih EMPAT (4) soalan sahaja. Semua soalan mempunyai markah yang sama.

1. Sosialisasi merujuk kepada proses penyaluran nilai-nilai budaya dari satu generasi ke generasi yang kemudiannya, serta mendidik orang-orang ke dalam peranan sosial mereka. Tunjukkan dan bincangkan bagaimana sosialisasi terjadi dalam kedua-dua aspek ini:
  - i) tingkahlaku moral
  - ii) perjantinaan peranan (sex-role typing). (25 markah)
  
2.
  - 1) Bincangkan kaedah psikoanalisis dan terapi tingkahlaku dalam mengatasi penyakit mental? (15 markah)
  
  - ii) Setakat manakah psikoterapi efektif? Bincangkan. (10 markah)
  
3. Keluarga merupakan konteks yang sesuai bagi kebanyakan keanasan yang berlaku, terutamanya terhadap anak dan isteri. Kenapa dan bagaimana ini boleh terjadi? Bincangkan. (25 markah)

...2/-

[STP 242]

4. i) Dengan menggunakan satu contoh peralihan hidup (life transition), huraikan tahap-tahap/fasa-fasa yang mungkin dilalui oleh individu. (10 markah)
- ii) Apakah yang boleh dibuat oleh individu tersebut untuk memaksimumkan peluangnya bagi mengatasi serta mendapat manfaat daripada pengalaman itu? (15 markah)
5. i) Bezakan antara kaunseling dengan bentuk-bentuk pertolongan yang lain. (10 markah)
- ii) Bandingkan dan bezakan antara dua model pertolongan. (15 markah)
6. Apakah masalah-masalah psikologi yang mungkin dihadapi oleh keluarga dan kanak-kanak yang berumur 6 tahun yang mengalami barah yang melarat (terminal cancer)? Sebagai seorang pekerja sosial, apakah langkah-langkah yang boleh anda ambil untuk meringankan masalah-masalah ini? Bincangkan. (25 markah)
7. "Faktor-faktor sosial dan psikologi lebih bertanggungjawab terhadap keadaan mental yang semakin lemah (deterioration) semasa tua daripada gangguan otak yang fizikal." Setakat mana anda bersetuju dengan kenyataan ini? Bincangkan. (25 markah)